

lokal

Terjun tasik belakang kelab

Putrajaya

Sanggup gadai nyawa dengan terjun ke tasik kerana bimbang dicekup pihak berkuasa.

Itu tindakan nekad seorang lelaki warga Ghana yang cuba melarikan diri selepas menyedari operasi dilakukan pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berhampiran Kelab Komuniti Cyberjaya di sini, petang kelmarin.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaiamee Daud berkata, sebaik menyedari kehadiran pegawai imigresen, suspek warga asing terabit cuba melarikan diri dengan terjun ke dalam tasik di belakang kelab itu.

Menurutnya, pegawai imigresen terpaksa terjun sama ke dalam tasik itu untuk menahan warga asing terabit.

"Seorang rakan senegara



PENGUAT kuasai imigresen menahan warga Ghana yang terjun ke dalam tasik di Cyberjaya.

suspek turut ditahan kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen sah memenuhi negara ini.

"Sebelum itu pihak JIM melakukan operasi pertama di sebuah hotel lama di Jalan

Pudu, Kuala Lumpur yang dikenal pasti sebagai lokasi 'panas' aktiviti pelacuran.

"Premis itu sudah berulang kali diserbu agensi penguatuasaan namun masih menjalankan aktiviti per-



WANITA warga asing yang ditahan terabit dengan aktiviti persundulan membabitkan lima lelaki warga Bangladesh, seorang lelaki dan enam wanita warga Indonesia ditahan kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen atau pas yang sah memasuki negara ini.

"Seramai 63 individu dipergunakan dan hasilnya seramai 12 warga asing ditahan membabitkan lima wanita warga Vietnam dan tujuh lelaki warga Bangladesh," katanya.

Menurutnya, beberapa warga asing didapati cuba melarikan diri namun berjaya ditahan untuk pemerkasaan.

Khairul Dzaiamee berkata, operasi seterusnya dijalankan di kawasan Puchong, Selangor pada jam 1 pagi semalam membabitkan pemerkasaan ke atas dua premis kediaman.

Menurutnya, seramai 21 individu diperiksa sebelum 12 warga asing membabitkan lima lelaki warga Bangladesh, seorang lelaki dan enam wanita warga Indonesia ditahan kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen atau pas yang sah memasuki negara ini.

"Operasi berkenaan membabitkan sepasukan 20 pegawai imigresen dari Unit Operasi Khas (QRT) Putrajaya. Semua warga asing yang ditahan ditempatkan di Depot Imigresen Semenyih, Selangor untuk disiasat di atas pelbagai kesalahan," katanya.